

APA yang menjadi kebingungan Tan Sri?

Saya bimbang masa depan negara. Saya sangat sayangkan Malaysia. Jika kita tidak menjalankan tanggungjawab sewajarnya, masa depan negara akan menuju ke jalan yang salah. Generasi sekarang berbeza, nilai pun berbeza, sebab itu kita perlu mengembalikan semangat dahulu.

Maksud Tan Sri?

Dulu zaman saya tidak macam ini. Kami bekerja dari pagi sampai matahari terbenam. Bila nampak masih ada matahari, kami akan rasa malu sendiri untuk balik rumah. Jadi kami akan teruskan kerja. Sekarang tepat masa balik, dia tidak peduli apa dah. Semangat sudah hilang. Itu yang saya kata semangat merdeka sudah berubah.


Baru-baru ini saya ada perjumpaan dengan kawan-kawan lama. Kami bercampur tidak kira keturunan dan agama. Kami boleh bersembang dan menyanyi dalam suasana yang begitu harmoni. Dulu kami merayakan setiap perayaan di rumah kawan-kawan berlainan kaum tanpa ada prasangka. Sekarang orang takut. Semangat setiakawan semakin berkurangan walaupun kadang-kadang tiada sebab kita perlu ada perasaan ini.

Secara umum apa yang Tan Sri lihat berlaku sekarang?

Saya telah rangka 10 perkara yang saya fikir perlu diberi perhatian. Kita mesti berubah jika tidak mahu negara yang kita cintai ini 'rosak'. Pertama, semangat kemerdekaan kita sudah berkurangan. Dulu orang sanggup buat apa sahaja demi negara yang kita cintai. Kita bersatu padu membangunkan Malaysia. Hari ini orang lebih banyak yang pentingkan diri sendiri. Asal dapat apa yang mereka mahu, cukup, mereka tidak fikirkan orang lain. Kedua, ada sesetengah pihak beranggapan Malaysia hanya untuk orang Melayu dan yang beragama Islam sahaja. Perasaan ini perlu diperbetulkan jika kita mahu Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Ketiga, Malaysia yang *moderate* (sederhana) perlu diteruskan. Contohnya Islam Hadhari, kita perlu betul-betul ikut semangatnya. Jangan usik perkara-perkara yang boleh menyebabkan kesederhanaan ini terganggu. Jangan biarkan kegiatan ekstremis menular dalam semua agama atau peringkat masyarakat. Keempat, berlaku adil kepada semua kaum tanpa mengira etnik, agama dan kawasan, lebih-lebih lagi yang miskin. Kelima, ke arah mementingkan kualiti bukan kuantiti. Kita tidak mahu jumlah sahaja banyak tetapi dari segi mutu kita kalah.

Keenam, mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Ketujuh, mengekalkan perpaduan Malaysia. Pembahagian kekayaan mesti mengikut kuota. Kelapan, kalau mahu memastikan perpaduan, perlu mewujudkan syarikat pelbagai kaum. Kesembilan, meraihan semangat perpaduan. Kesepuluh, pertahankan keunikan kita sebagai negara yang



Hidup sederhana jangan tamak

Mm-24/9/2006

Mukadimah

MUNGKIN di kalangan masyarakat biasa, nama Tan Sri Ramon Navaratnam agak kurang dikenali. Namun di kalangan ahli ekonomi, nama itu cukup disegani. Pandangan beliau sering kali diminta apabila menyentuh tentang soal ekonomi negara.

Ramon, 71, adalah penerima ijazah terhormat Universiti Oxford Brookes (Undang-undang) dan pemegang Sarjana Pentadbiran Awam (Ekonomi) dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat.

Dalam pertemuan yang diatur di rumahnya yang terletak di Bangsar baru-baru ini, anak kelahiran Kuala Lumpur itu lebih banyak menyentuh soal masa depan negara. Bagi dirinya, pengalaman yang dilalui banyak mengajar beliau menghargai tentang erti hidup yang sebenarnya.

Malah kebingungan tersebut disuarakan secara lebih terperinci menerusi bukunya bertajuk *Quo Vadis, atau Where to, Malaysia?*

Hakikatnya, dilahirkan lima tahun awal sebelum era Perang Dunia Kedua, meningkat dewasa semasa zaman penjajahan Jepun dan British seterusnya sama-sama terlibat dalam merencanakan masa depan negara, banyak memberi kesedaran kepadanya betapa kemakmuran yang dikecapi perlu dipertahankan.

Bercakap lebih lanjut tentang semangatnya itu, Penasihat Korporat Kumpulan Sunway yang juga Presiden Transparency International Malaysia ini berkata, dahulu generasinya sanggup melakukan apa sahaja demi 'maruah' negara. Kini, semangat itu makin berkurangan.

"Dulu semangat kita lain, sekarang lain. Saya sentuh perkara ini kerana ia sebahagian daripada tanggungjawab saya," katanya kepada wartawan SITI MARIAM MD, ZAIN dan jurugambar HALIM KHALID dengan nada serius sambil menegaskan jika tiada tindakan segera diambil, ia akan menjejaskan matlamat Wawasan 2020.

RAMON NAVARATNAM

pelbagai kaum, agama, etnik, pentadbiran yang baik, antikorupsi, integriti, berkualiti dan mempunyai semangat cintakan tanah air yang tidak berbelah bahagi.

Apa bezanya semangat dulu dan sekarang?

Dulu kita hanya fikirkan tentang negara - Malaysia - bukan berdasarkan kaum. Saya anggap diri saya Malaysia dulu, baru keturunan India Sri Lanka. Kalau semua orang buat begini, tidak akan timbul masalah. Tetapi kalau dia fikir, bukan semua orang nak dapatkan segala-galanya lebih, ini jenis merosakkan negara. Misalnya kita ke bank untuk buat pinjaman, pihak bank tidak akan beri pinjaman kepada orang miskin, mereka lihat apa yang kita ada, berapa banyak pendapatan dan harta kita, baru permohonan diluluskan. Kita mahu melahirkan ribuan jutawan dalam negara, apa faedah untuk orang lain?

Kalau dia berniaga dan naik atas usaha

sendiri, tidak apa, tetapi kalau mendapatkan bantuan kerajaan melalui kontrak-kontrak, tender-tender tertentu, cara ini tidak betul. Kita kena ingat, 55 hingga 65 peratus rakyat adalah orang Melayu. Daripada jumlah itu, 95 peratus Melayu masih lagi miskin. Kalau hendak membantu mereka yang menerima pendapatan di bawah RM1,000, tolonglah. Tetapi dalam masa sama, kalau ada orang Cina dan India yang miskin, tolonglah juga.

Mereka ini cuma lima peratus. Tetapi kalau membantu orang Melayu sahaja, rakyat (kaum) lain mesti marah. Kita perlu memperbetulkan kepincangan, jika tidak, saya bimbang keadaan lebih buruk. Negara-negara lain semua semakin maju, kita tidak boleh lawan dengan negara-negara ini jika kita masih dengan sikap mementingkan diri sendiri. Sebab apa kita ada lebih sejuta pekerja pendatang asing dari Indonesia atau Bangladesh? Kita sudah malas, lembik, telah berada dalam keadaan yang terlalu selesa!

Apa akan jadi jika 10 perkara ini tidak ditekankan?

Jika kita biarkan sahaja apa yang berlaku, pada pendapat saya, kita tidak akan mencapai matlamat Wawasan 2020 dalam masa yang ditetapkan. Dan kita bukan sahaja tidak

maju tetapi prestasi negara akan menurun, berbanding dengan pencapaian negara-negara lain. Malaysia nanti akan tertinggal ke belakang. Slogan 'Malaysia Boleh', 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang', semua akan tinggal begitu sahaja. Orang kata, retorik semata-mata. - cagak sahaja tetapi tidak buat. Siapa rugi? Bukan orang kaya, tetapi rakyat biasa. Kalau dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sendiri berlaku penyelewengan, habislah, yang kaya akan bertambah kaya.

Pandangan Tan Sri dengan budaya subsidi?

Kalau kita ada anak, kita tidak ajar mereka berdikari, susahlah. Macam bagi mereka ikan, kita sepatutnya bagi kail untuk tunjuk mereka macam mana nak tangkap ikan. Sikap subsidi, menyebabkan orang jadi malas, kalau tidak akan jadi macam anak yang kita bagi aiskrim hari-hari, lama-lama dia gemuk dan tidak mahu belajar, tidur sahaja.

Bila sudah besar, baru kita kata, kenapa tidak buat kerja? Dah terlambat. Saya bimbang untuk kaum Melayu. Melayu yang maju mesti ada kualiti. Tetapi kita tidak boleh salahkan mereka. Kalau kita biarkan sahaja, nasib orang Melayu akan terus ketinggalan.

Tan Sri sentuh tentang semangat setiakawan antara kaum. Adakah ia semakin berkurangan sekarang?

Semasa zaman saya belajar, rakan sebilik saya Melayu, Datuk Nik Ahmad, beliau pesara Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Tenaga dan Komunikasi. Dia orang Kelantan dan kuat agama. Dulu, tidak ramai orang yang kuat agama, tetapi Nik Ahmad lain. Bapa beliau ulama terkenal. Dia sembahyang lima kali sehari.

Seorang yang tidak cagak banyak, tidak marah orang, baik hati. Saya lain, agama pun tidak berapa kuat, nakal dan suka buat bising (ketawa). Saya ramai kawan.

Mereka selalu datang ke bilik saya. Tetapi bila datang waktu yang sama, Nik Ahmad sedang sembahyang, saya ajak kawan-kawan keluar bilik. Suatu hari Nik Ahmad bertanya, kenapa kami keluar bila dia sembahyang? Saya kata, saya kena hormat semasa dia sembahyang. Dia kata, tidak payah keluar, awak boleh bersembang dengan kawan-kawan dalam bilik. Ini bilik awak juga. Saya sembahyang ada orang, saya dapat pahala lebih. Sekarang ada sekolah Cina, India, Melayu. Sekolah Kebangsaan kalau kita lihat kebanyakannya terdiri daripada pelajar Melayu. Macam mana hendak wujudkan budaya perpaduan yang bersatu padu?

Tan Sri tidak setuju dengan kewujudan sekolah jenis Cina atau Tamil?

Saya sebenarnya tidak berapa setuju dengan cara ini. Walau bagaimanapun kita tidak dapat salahkan mereka kerana keadaan itu sendiri. Kerajaan sepatutnya mewujudkan Sekolah Kebangsaan yang menarik jika mahu semua kaum memilih Sekolah Kebangsaan. Saya fikir dalam bajet baru-baru ini ada menyebut untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan lebih menarik, bagi menarik minat pelajar Cina dan India. Dalam hal ini, kalau pelajar Cina atau India hendak belajar bahasa ibunda masing-masing, buatlah, jangan kata secara sukarela tetapi wajibkannya. Jadi mahu atau tidak mahu, mereka akan ke Sekolah Kebangsaan.

Saya fikir Sekolah Kebangsaan ada kelebihan. Selain kemudahannya, bangunan cantik, guru-guru mencukupi. Dan ini boleh meningkatkan taraf pendidikan negara. Tetapi dari segi guru, kita perlu tempatkan guru pelbagai kaum supaya matlamat untuk memperkasakan sekolah kebangsaan tercapai.

Tafsiran tentang masa depan Malaysia?

Kalau pemimpin negara tidak mengambil tindakan segera maknanya polisi tidak lagi dihormati, penyelewengan berleluasa, kualiti kerja menurun, universiti gagal bersaing, produktiviti dan keselamatan berkurangan, akhirnya pendapatan negara akan menurun, saya bimbang Malaysia akan terpinggir (*marginalize*). Dan jika keadaan ini berterusan, rakyat akan berhijrah ke luar negara. Yang pergi ini pula mereka yang bagus-bagus, bukan orang tua macam saya.

Tentang diri Tan Sri. Apa yang boleh dikongsi bersama?

Awak boleh baca dalam buku yang saya tulis - *A Memoir: My Life & Times (2005)*. Semua yang saya lalui telah ditetapkan Tuhan. Agak menarik, saya mula bekerja sebagai budak pejabat di Jabatan Pengangkutan semasa zaman penjajahan Jepun dan apabila saya bersara pada 1989, jawatan terakhir saya dalam kerajaan juga di tempat yang sama - sebagai KSU di Kementerian Pengangkutan (ketawa).

Tentang aktiviti masa lapang Tan Sri?

Saya pernah main golf. Selepas saya buat pembedahan jantung 12 tahun lalu, semasa saya berumur 59 tahun, tiba-tiba timbul semangat untuk menulis. Saya mula berfikir bahawa nyawa kita tidak menentu. Perkara yang kita tidak jangka boleh berlaku. Siapa tahu? Ini membuatkan saya menulis. Setiap hari, balik rumah, saya akan luangkan masa setengah hingga satu jam untuk menulis. Hari-hari kalau kita siapkan setengah muka surat, 365 hari, siap lebih 100 muka. Dalam masa dua tahun, siap satu buku. 10 tahun saya dapat siapkan sembilan buah buku.

Tidak sukarkah menulis?

Hendak atau tidak sahaja. Saya selalu nasihatkan orang supaya menulis. Orang Malaysia, tidak suka menulis. Dan kita perlu buang sikap begini. Semangat menulis mesti ada pada setiap diri kita sebelum kita mati.

Sekarang masih menulis?

Buku *Quo vadis, atau Where to, Malaysia?* yang diterbitkan Mei lalu mungkin yang terakhir. Saya hendak berehat. Semua yang saya tahu, apa yang saya lalui, pengalaman saya, saya telah sampaikan dalam buku ini.

Tan Sri boleh dikategorikan sebagai orang kaya tetapi mengapa pilih hidup sederhana?

Saya tidak anggap saya orang kaya, tetapi cukup segala-galanya. Saya pun tidak mahu lagi (kekayaan). Ini sikap saya. Yang penting diri saya sihat, ada kawan-kawan di sekeliling untuk berbincang, anak-anak sentiasa mengambil berat hal orang tua, itu cukup bagi saya. Apa lagi hendak? Boleh bawa ke duit naik atas? Fasal apa hendak tamak?

Tapi ada orang yang sudah kaya hendak jadi lebih kaya?

Itu tamak. Saya tidak pernah hormat dengan orang yang bersikap begini. Orang kaya kalau memperoleh kekayaan itu dari usaha titik peluh dia, dengan usahanya, okey, tetapi kalau tipu orang lain dan dapat kekayaan dengan jalan mudah seperti menerusi pemberian AP, tender atau sebagainya, itu bagi saya kekayaan yang tiada kualiti.

Kenapa pilih cara hidup begini, cara sederhana?

Saya lahir tahun 1935, bila saya berumur lima tahun, perang, Jepun masuk. Semasa itu kami tinggal di Ipoh. Kami hidup sederhana. Bapa saya kerani di Jabatan Pengangkutan. Cukup tak cukup perbelanjaan, terpulang pada diri kita sendiri. Kalau tak cukup, berdoa pada Tuhan, bekerja kuat, ikut apa yang agama suruh. Kita bukan alim sangat tetapi cubalah. Kalau berdosa, cuba kurangkan dosa itu. Semua agama menekankan nilai-nilai yang baik. Mana ada agama yang suruh bunuh orang. Sebab apa orang nak berperang, saya pun tak tahu. Malaysia ini unik. Kita hidup berbilang kaum. Kita sepatutnya menjadi model untuk dunia.

Di negara lain, minoriti mereka sedikit, kita 45 peratus, keunikan ini tiada di negara-negara lain. Minoriti ini pula bukan yang tertindas, ramai yang tergolong dalam golongan kaya. Malaysia unik. Bolehlah kita menggunakan faedah-faedah yang Tuhan kurniakan ini untuk kebaikan negara. Kita ada bahan-bahan galian yang mencukupi, mineral cukup, apa lagi? Tuhan dah beri kita secukupnya, tetapi kalau kita tamak, kita ambil hak orang lain, akan jadi sebaliknya. Mahatma Ghandhi pernah kata, "Tuhan beri manusia cukup segala-galanya tetapi jika kita tamak, anugerah ini tidak akan menjadi cukup." Jadi maknanya kita jangan tamak.

Saya beli perabot ini (sambil menunjukkan sofa yang kami duduk) pada 1972, sampai hari ini usianya sudah lebih 35 tahun. Kalau boleh pakai, pakailah. Kalau boleh pakai kenapa perlu tukar? Terus terang saya kata, kalau orang nak curi rumah saya, masuk curi. Tak ada barang yang mahal dalam rumah saya. Awak tengok sendiri. Karpis ini pun saya beli dari Turki lama dulu sebab di sana lebih murah dan tahan sampai kini. Kereta saya sudah berumur lebih 20 tahun. Itu pun saya beli dari kerajaan. Disebabkan saya bekerja di Sunway, mereka beri saya kereta lain. Tetapi untuk kegunaan sendiri, itu sahaja yang saya ada. Bukan mewah pun.

Tidak pernah teringin untuk hidup lebih mewah?

Saya tanya awak, apa makna lebih mewah? Makan lebih? Nak pergi ke luar negara, isteri saya pun dah tak berapa sihat lagi. Saya dah merasa melawat ke negara luar semasa saya bekerja dalam kerajaan dulu. Di Kementerian Kewangan, Pengangkutan, Bank Dunia, lawatan rasmi dan sebagainya. Nak apa lagi? Makan banyak pun bukan baik untuk kesihatan. Sekarang saya nak kurangkan makan walaupun terpaksa hadir banyak majlis makan. Kadang-kadang saya tak dapat mengelak untuk hadir ke majlis-majlis begini (senyum). Pakaian saya buatan Malaysia (sambil menunjukkan jenama di kolar bajunya). Saya bukan cagak sahaja, awak boleh tengok, bukan dari jenama terkenal luar negara. Kasut yang saya pakai ini pun, anak tempatan yang buat. Tahan lama.

Ini ada kaitan dengan semangat nasionalisme yang Tan Sri sebutkan tadi?

Memanglah. Saya membesar dalam suasana itu di rumah, di sekolah, dalam masyarakat yang harmoni. Belajar nilai-nilai murni daripada kaum lain kalau kita tahu nilai itu baik untuk kita. Ini akan menjadikan Malaysia lebih unik. Wawasan 2020, 15 tahun lagi, hanya Tuhan sahaja yang tahu saya akan hidup lagi atau tidak sampai ke tempoh tersebut. Saya sebenarnya cukup bimbang jika kita tidak dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Harapan Tan Sri?

Saya mahu Malaysia menjadi sebuah negara yang maju bersama nilai-nilai murni yang kita perjuangkan selama ini. Jika dapat melakukan ini, saya akan mati dalam keadaan tersenyum. Kita perlu selalu ingat dalam dunia ini ada enam bilion orang. Separuh atau tiga bilion menerima pendapatan lebih kurang AS\$2 sehari. Itu bukan sahaja duit makan tetapi untuk pengangkutan, tempat tinggal dan sebagainya. Fasal itu wujud penganas. Orang kaya tidak akan jadi penganas. Awak sanggup korbakan nyawa sendiri kalau cukup segala-galanya? Orang yang terdesak sahaja sanggup melakukan perkara ini. Tuhan dah bagi kita cukup-cukup. Terpulang pada kita untuk melakukan yang terbaik demi masa depan kita bersama.